

26 JUN 1999

Maulidur-Agong

PERKUKUHKAN PERPADUAN, TITAH YANG DI-PERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini bertitah mengingatkan umat Islam supaya memperkukuhkan perpaduan serta menghindari dan mengawal bibit-bibit permusuhan agar ia tidak terus merebak.

"Semua pemimpin Islam perlulah berusaha memperkuat silatullahim dengan hati yang jujur untuk sama-sama mencari keredhaan Allah Ta'ala," titah Seri Paduka semasa merasmikan sambutan Maulidur Rasul 1420H/1999 peringkat kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil di sini.

Sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW tahun ini yang bertemakan "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan" ialah yang pertama kali diadakan di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

"Sikap permusuhan sesama sendiri sangat dicela oleh agama Islam. Allah Ta'ala memberi amaran kepada semua bahawa kita pasti akan gagal sekiranya kita bermusuh sesama sendiri.

"Beta yakin tidak ada seorang pun dari kalangan umat Islam yang sanggup melihat masa depan mereka dan negara berada dalam keadaan berpecah-belah, lemah dan terjajah," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong mengingatkan umat Islam supaya tidak lupa bahawa terdapat anasir-anasir yang sentiasa berusaha untuk melemah dan menghancurkan mereka.

Penyebaran fahaman yang bertentangan dengan akidah sebenar, penonjolan aspek khilafiah (perkara-perkara yang menimbulkan keraguan atau pertikaian), penyebaran fahaman politik yang melampau dan tidak berasaskan hukum dan fatwa, perlulah dihindarkan.

Seri Paduka bertitah umat Islam perlu mengambil iktibar daripada penderitaan rakyat di beberapa negara dunia yang menghadapi pergolakan politik dan sosial.

Kita seharusnya menjadikan penderitaan yang dihadapi mereka sebagai pengajaran bagi kita untuk menilai betapa besarnya erti keamanan, titahnya.

"Kita lihat bagaimana rakyat hidup dalam kemiskinan, penderitaan dan kelaparan di negara mereka sendiri. Mereka amat rindukan kedamaian dan kemakmuran."

Yang di-Pertuan Agong bertitah, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan aman, setiap anggota masyarakat haruslah terlebih dahulu memahami dan memberi penekanan kepada pengertian kedamaian.

"Rakyat Malaysia tidak harus menjadikan kedamaian hanya slogan yang dilaungkan tetapi gagal mengamalnya sebagai satu budaya kehidupan yang bermaruah.

"Kedamaian akan melahirkan suasana yang harmoni. Kegagalan kita mewujudkan suasana yang damai dan harmoni akan hanya menggugat kestabilan negara dan padahnya akan menimpa kita semua," titah Seri Paduka.

Sesuai dengan tema sambutan tahun ini "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan," baginda ingin melihat umat Islam hidup aman, harmoni dan bahagia serta dapat menumpukan terhadap pembangunan dan kemajuan negara.

Untuk itu mereka harus sedar bahawa kejayaan yang dicapai tanpa disertai dengan iman dan takwa tidak akan mendapat keredhaan Allah.

"Beta mahu melihat umat Islam di Malaysia turut meraih kejayaan di dunia setanding dengan rakyat negara-negara maju di samping tidak lupa kepada hari akhirat," titah Seri Paduka.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aisyah. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

AKT RON